

12 JAN 1998

Mahathir-Cohen (Bergambar)

AMERIKA SYARIKAT KOMITED PADA PEMULIHAN EKONOMI DI RANTAU INI

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat William Cohen menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini dan mengulangi komitmen Washington kepada usaha membantu memulihkan semula ekonomi beberapa negara yang terjejas akibat krisis mata wang dan pasaran saham.

Setiausaha Bahagian di Kementerian Luar, Mohd Arshad M. Hussain, ketika memberitahu pemberita mengenai hasil perbincangan itu, berkata Cohen menjelaskan bahawa Presiden Bill Clinton sentiasa akan memastikan Washington memainkan peranan penting dan berkesan bagi menangani kegawatan ekonomi di rantau ini.

Cohen, yang tiba di sini semalam, sedang dalam rangka lawatan 12 hari ke beberapa negara Asia. Semasa di sini, beliau turut menghadiri Dailog Pasifik selama dua hari yang dirasmikan Perdana Menteri hari ini.

Mohd Arshad berkata, Cohen telah memaklumkan kepada Dr Mahathir bahawa Amerika Syarikat sebagai antara pelabur terbesar di rantau ini sudah pasti memandang serius masalah yang sedang dihadapi oleh negara-negara berkenaan.

Katanya Dr Mahathir menyambut baik lawatan para pemimpin Amerika Syarikat ke rantau ini bagi membolehkan mereka melihat sendiri dan memahami apa yang sedang berlaku.

Ini kerana pemimpin Barat, termasuk Amerika Syarikat, sering beranggapan masalah dan kedudukan ekonomi semua negara di rantau ini adalah sama sedangkan pada hakikatnya setiap negara mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing, katanya.

Mohd Arshad berkata, Perdana Menteri telah memberitahu Cohen bahawa kegawatan ekonomi yang sedang melanda Malaysia telah menyebabkan Kuala Lumpur terpaksa mengurangkan secara drastik penghantaran pelajarannya ke negara itu.

Dr Mahathir turut menyatakan rasa puas hati Malaysia terhadap tahap hubungan dua hala, termasuk perdagangan, yang terjalin antara Kuala Lumpur dan Washington.

Mengenai kehadiran tentera Amerika Syarikat di rantau ini, Perdana Menteri berkata, saiz yang ada sekarang sudah mencukupi. -- BERNAMA

AH MAI